



KAMARUZAMAN (kiri) memalu gong sebagai tanda perasmian Kolokium, turut kelihatan Zubaidi (kanan) dan Mohd Yusof (tengah).

## Bahasa Melayu wahana pupuk persefahaman rakyat Malaysia

KOTA KINABALU: Bahasa khususnya Bahasa Melayu dalam konteks 1Malaysia menjadi wahana untuk membina dan memupuk persefahaman serta perpaduan rakyat di negara ini, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Brig Jen Prof Datuk Dr.Kamaruzaman Hj Ampon.

Beliau berkata, bahasa adalah alat yang penting dalam masyarakat kerana tanpa bahasa, masyarakat tidak dapat berinteraksi dengan masyarakat lain.

Katanya, bahasa juga berperanan penting dalam komunikasi dan pembelajaran di dalam institut-institut pendidikan.

"Di sini lah kita dapat melihat bahawa bahasa tidak dapat dipisahkan dari bangsa yang menjadi masyarakat pendukungnya.

"Sebagai bahasa komunikasi, Bahasa Melayu luas digunakan di seluruh negara dan rantau ini. Seramai lebih 300 juta orang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa lumrah dalam interaksi sehari-hari," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika merasmikan Kolokium Kebangsaan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institut Pendidikan 2010, di dewan Resital, UMS, di sini, kelmarin.

Turut hadir Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial merengkap Pengurus Jawatankuasa Induk Kolokium Prof Madya Dr.Mohd Yusof Abdullah, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah Zubaidi Abas, para pembentang kertas kerja, pegawai-pegawai utama UMS, dekan dan para pensyarah.

Kamaruzaman berkata, mercu pencapaian sesuatu bahasa itu terletak pada penggunaannya sebagai lingua franca serta pengembangan sastera, adat, pakaian dan makanan adab kesenian.

"Bahasa Melayu sudah luas digunakan di negara ini khususnya oleh golongan muda di sekolah, maktab dan universiti. Para pelajar bukan Melayu memang sudah cekap bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Dalam beberapa situasi, mereka searif dan setanding dengan para pelajar Melayu

yang terbaik. Ini kerana Bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perantaraan pendidikan semenjak tahun 1967.

Ia membolehkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum mampu berinteraksi antara satu sama lain sekaligus membantu negara kita terus membangun dalam pelbagai aspek secara aman dan harmoni," katanya.

Beliau berkata, bahasa juga tidak dapat dipisahkan daripada amalan hidup seseorang kerana ia bukan semata-mata alat komunikasi tetapi sebagai pembina budaya, pengembang pemikiran dan pandangan alam.

"Seseorang yang mengabaikan bahasanya, bermakna ia mengabaikan budaya hidup dan masyarakatnya serta negaranya.

"Seseorang yang menggungkan bahasa harus mengagungkan budaya atau sastera bangsanya. Lebih tinggi taraf kebahasaan yang digunakan dalam kehidupan, lebih tinggi nilai kebudayaan dan lebih besar pula sumbangan yang diberikannya untuk membangunkan diri, keluarga dan negara," katanya. - Oleh Marryan Razan - [marryan@newsabahtimes.com.my](mailto:marryan@newsabahtimes.com.my)